

UMP catat pengambilan pelajar tertinggi sejak penubuhan

SHC (Nasional) Amd 6/7/08 pg: 1
KUANTAN – Universiti Malaysia Pahang (UMP) mencatat pengambilan pelajar tertinggi sejak penubuhannya pada 2002 apabila 2,030 pelajar ditawarkan tempat bagi pengajian sesi baru Julai ini.

Naib Canselor UMP Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata berdasarkan pendaftaran pelajar pada 1 Julai lepas, sebahagian besarnya

juga menjadikan UMP sebagai pilihan pertama mereka dalam mengemukakan permohonan kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

"Jumlah pelajar yang mendaftar bagi sesi Julai tahun ini meningkat sebanyak 270 pelajar berbanding tahun sebelumnya. Lebih daripada 60 peratus calon yang ditawarkan adalah lulusan

kolej matrikulasi dan selebihnya adalah calon lulusan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia dan lepasan Diploma," katanya ketika berucap pada majlis penutupan Minggu Induksi Siswa UMP dan Lafaz Ikrar Pelajar di sini, kelmarin.

Beliau berkata UMP kini dilihat menjadi pilihan pelajar melanjutkan pelajaran dalam bidang kejuruteraan dan teknologi kerana

pendedahan meluas terhadap sistem pengajaran dan pembelajaran yang menekankan kepada konsep pembelajaran berasaskan kemahiran dan perkuliahan.

"Jumlah kemasukan pelajar pada sesi akan datang juga dijangka meningkat kerana beberapa program baru bakal ditawarkan," kata Daing Nasir.